

Norsharifah juara Pertandingan Pidato UMS

UB 19.12.2018 B3

Oleh YAP SIONG HAN

NORSHARIFAH Watty Abdul Salim muncul johan Pertandingan Pidato anjuran Kursus Pidato Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 1, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS.

Pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS yang menyampaikan pidato bertajuk '*Mental Health Awareness*' itu berjaya mencuri perhatian juri melalui persembahan yang mantap dengan lontaran idea berasas, sekali

gus dinobatkan sebagai pemenang pertandingan.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Iskandar Zulkarnain Abdul Ramli dan Mohammad Amzar Makklani dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) UMS.

Kesemua mereka membawa pulang hadiah berupa hamper dan sejumlah wang tunai yang disampaikan Dekan FKSW Prof Dr Ismail Ibrahim selaku tetamu kehormat.

Pertandingan pidato kali ini antara lain mewajibkan para peserta menyampaikan pidato sama ada dalam Bahasa Melayu atau

Inggeris berdasarkan pilihan tajuk yang diberikan.

Dibuka kepada seluruh siswa-siswi UMS,

pertandingan itu dihakimi dua juri berpengalaman iaitu Pengarah Penerbit UMS Prof Madya Dr Asmiaty Amat dan

Pensyarah Kanan FKSW Dr Lokman Abd Samad. Hadir sama ialah Pengarah Program Anis Hafizah Azmi.



ISMAIL (berdiri, lapan dari kiri) bersama para pemenang dan peserta pertandingan pidato.



NORSHARIFAH WATY